



SIARAN MEDIA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

KONVENSYEN INOVASI SOSIAL 2023: MALAM APRESIASI *NETWORKING* INOVATOR SOSIAL (MaNIS)

KUALA LUMPUR, 05 JULAI 2023 – Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2023, buat julung kalinya dianjurkan bertujuan untuk menghimpun para pemikir, inovator dan profesional dalam bidang inovasi sosial yang berlangsung selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Julai 2023 bertempat di Menara MARA, Kuala Lumpur. Di samping itu, KIS 2023 juga dapat meningkatkan kolaborasi dan memperkukuh penyelesaian yang lebih berinovatif dalam mengatasi cabaran sosial yang dihadapi negara pada masa kini.

Salah-satu program utama KIS 2023 adalah Malam Apresiasi *Networking* Inovator Sosial (MaNIS) yang dianjurkan pada 05 Julai 2023 di Grand Ballroom, Premiera Hotel, Kuala Lumpur. Malam Apresiasi *Networking* Inovasi Sosial (MaNIS) dianjurkan untuk meraikan dan mengiktiraf pencapaian inovator sosial yang memberi impak positif kepada masyarakat bersama-sama dengan Yayasan Inovasi Malaysia. Majlis makan malam ini menghimpunkan para inovator yang telah menunjukkan kreativiti, inovasi dan dedikasi yang luar biasa untuk menyelesaikan cabaran sosial.

Majlis ini telah dihadiri oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi.

Turut hadir sebagai penyanyi jemputan adalah Kmy Kmo dan Luca Sickta yang membawakan empat (4) buah lagu pada malam tersebut.

Pada Malam Apresiasi *Networking* Inovator Sosial (MaNIS), beberapa anugerah telah disampaikan oleh YB Timbalan Menteri MOSTI iaitu:

- Enam (6) penerima Anugerah Duta Belia Inovator Sosial 2022 yang merupakan graduan universiti tempatan;

- Tujuh (7) penerima sijil Pembelajaran Sepanjang Hayat - SKM Inovator Sosial daripada pelbagai bidang;
- 18 penerima geran bagi program MyIS Komuniti; dan
- 10 penerima geran MyIS Akar Umbi.

Pada majlis ini, seorang inovator Yayasan Inovasi Malaysia, Norazman bin Ahmat Syafri mendapat anugerah Malaysia Book of Record untuk inovasi bernama Sambung Baca Bahasa Arab (SaBBAR). Modul SaBBAR ini merupakan satu kaedah eksklusif dan pantas yang merupakan padanan huruf hijaiyyah-rumi dan baris-rumi bagi membantu golongan sasaran membaca perkataan bahasa arab khususnya dan Al-Qur'an amnya.

Pengguna boleh belajar membaca perkataan bahasa arab dan Al-Qur'an tanpa perlu lagi pergi ke kelas mengaji. Modul SaBBAR menerapkan unsur didik hibur, gamifikasi dan pelbagai bahan digital bunga semun yang semuanya telah disatukan sebagai pembelajaran yang berkonsep interaktif dan inovatif seperti unsur *Augmented Reality (AR)*, Aplikasi dan *Virtual Reality (VR)*.

Dalam pada itu, sebanyak dua (2) Perjanjian Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara YIM dengan pihak-pihak berkaitan iaitu Malaysia Board of Technologists (MBOT) dan Universiti Malaya (UM) untuk memperkukuh dan mempertingkatkan usaha sama agensi-agensi yang terlibat dalam mencapai objektif inisiatif inovasi sosial ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di masa hadapan.

TAMAT

Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai syarikat terhad mengikut jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 6,000 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerksaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di www.yim.my

Hubungi:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Allya Muchaerany Mulyono

+60 11-3355 5498

allya@yim.my